

18 APR 2001

Agong-YDP (Bergambar)

ABDUL RAHMAN DILANTIK YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG YANG KE-7

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Datuk Abdul Rahman Haji Abbas hari ini dilantik sebagai Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang baru.

Abdul Rahman, 63, adalah bekas Speaker Dewan Undangan Negeri sebelum menceburi diri dalam bidang perniagaan.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menyampaikan suratcara pelantikan kepada Abdul Rahman dalam satu upacara di Istana Negara.

Yang turut hadir pada upacara itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Pemimpin lain yang hadir ialah Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Lim Keng Yaik dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie.

Abdul Rahman yang dilahirkan pada 15 April 1938 di Kepala Batas, Pulau Pinang sehingga kini masih bergiat aktif dalam bidang politik di Umno Bahagian Kepala Batas.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sek Keb Permatang Sintok, Kepala Batas sebelum meneruskan pengajian peringkat tinggi di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim pada 1955 dan kemudian ke Universiti Malaya.

Abdul Rahman berkhidmat sebagai pendidik lebih daripada 20 tahun sebelum berkecimpung dalam bidang politik.

Pada 16 Jun 1977, beliau dipilih sebagai anggota Dewan Undangan Negeri melalui pilihan raya kecil kawasan Bertam berikutan kematian Datuk Haji Ahmad Badawi Abdullah dan dilantik sebagai anggota exco negeri.

Beliau turut memenangi kerusi kawasan Bertam dalam empat pilihan raya umum yang diadakan pada 1978, 1982, 1986 dan 1990.

Beliau terus diberi kepercayaan menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan sehingga dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri pada 3 Dis 1990 sehingga 5 April 1995.

Dalam tempoh berkhidmat sebagai anggota exco, Abdul Rahman pernah memangku jawatan Ketua Menteri sebanyak tiga kali.

Abdul Rahman mendirikan rumah tangga dengan Datin Majimor Shariff dan dikurniakan empat anak, seorang lelaki dan tiga perempuan.

-- BERNAMA

FA ZS RON